

Kepada:	Seperti senarai di bawah		
Daripada:	Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi		
Salinan Kepada:	Timb. Pengarah I & Timb. Pengarah II Bahagian Pendidikan Tinggi	Bilangan :	
Rujuk Kami	Tarikh	Rujuk Tuan	Tarikh
MARA:600-3/2/4 (21)	17 November 2023 3 Jamadilawal 1445H		

Pengarah Kolej Profesional MARA (KPM): Beranang, Indera Mahkota, Seri Iskandar, Bandar Melaka, Ayer Molek, Bandar Penawar.

Pengarah Kolej MARA (KM): Seremban, Banting, Kulim, Kuala Nerang.

PENGUATKUASAAN DAN PENGGUNAAN BUKU PERATURAN DAN GARIS PANDUAN TERBITAN BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2023.

Perkara di atas dengan segala hormatnya adalah dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, Bahagian Pendidikan Tinggi (BPT) memohon semua Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej MARA (KM) untuk menguatkuasakan dan mengguna pakai buku seperti berikut:

2.1 Buku Peraturan Tatatertib Siswa KPM dan KM

Edaran untuk Pelajar dan rujukan semua kakitangan kolej

(Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan MARA Bilangan 4 Tahun 2023 bertarikh 28 Ogos 2023).

2.2 Garis Panduan Pengendalian Kes Tatatertib Siswa KPM dan KM

Edaran untuk Unit Hal Ehwal Pelajar sahaja.

(Rujuk Surat Pekeliling Dasar dan Peraturan MARA Bil.01/2023 bertarikh 3 November 2023).

2.3 Garis Panduan Pengurusan Asrama KM dan KPM

Edaran untuk Felo dan Penyelia asrama.

(Kelulusan Mesyuarat Pengarah-Pengarah KPM dan KM bertarikh 6 November 2023).

2.4 Perlembagaan Majlis Perwakilan Pelajar

Edaran untuk Penasihat dan pelajar MPP.

(Kelulusan Mesyuarat Pengarah-Pengarah KPM dan KM bertarikh 6 November 2023).

2.5 Panduan Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum

Edaran untuk Unit Kokurikulum dan Penasihat Kelab/Persatuan.

(Kelulusan Mesyuarat Pemantauan BPT Bil.06/2023 bertarikh 5 Oktober 2023).

3. Tarikh kuat kuasa dan penggunaan buku dan garis panduan yang disenaraikan seperti di atas adalah berkuat kuasa dengan serta merta. Oleh itu, buku Pengurusan Tatatertib Siswa KPM dan KM Edisi 4 (2020), Perlembagaan Majlis Perwakilan Pelajar terbitan tahun 2015 dan buku Panduan Kokurikulum KPM Edisi ke-3 2015 adalah dibatalkan.


4. Adalah diharapkan Tuan/Puan dapat memastikan staf dan pegawai yang terlibat dengan penggunaan buku dan garis panduan yang dinyatakan mematuhi pelaksanaan kuat kuasa ini.

5. Bersama-sama ini, disertakan fail “*softcopy*” untuk dimuat turun. Segala kerjasama dan perhatian pihak Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



ABD MANAB BIN ABDUL MAJID
Pengarah
Bahagian Pendidikan Tinggi
MARA

‘Amanah Rakyat’
